

**KAJIAN KE ATAS MINAT PELAJAR BIDANG PERTANIAN DI
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TERHADAP KERJAYA
DI SEKTOR PERLADANGAN SAWIT**

**ZULFADLIE JOHANSAH
BR07110044**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN**

**PROGRAM PENGETAHUAN DAN KEMAMPUAN
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2011**



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: Kajian Ke Ajas Sungai Pelajar Bidang Pertanian Di Institusi Pengajaran Tinggi Terhadap Kehidupan di Sektor Pertuduhan Kelabit Semporna

IJAZAH: Sarjana Muda Sains Pertanian Dengan Kepujian
program kepelbagaian Tanaman

SAYA: ZULFAZIE JAHANSAH
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 2007/2008

Mengaku membenarkan tesis * (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana Penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Bkt. Sulu
(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan Oleh:

NURULAIN BINTI ISMAIL

LIBRARIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Nurulain
(TANDATANGAN PENYELIA)

Pustakawan

(NAMA PENYELIA dan cop)

Tarikh: _____

Tarikh: _____

Catatan: - * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak yang berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengakui bahawa disertasi ini tidak pernah atau sedang dihantar untuk perolehi ijazah dari universiti ini atau mana universiti yang lain.



ZULFADLIE JOHANSAH

BR07110044

18 April 2010



DIPERAKUKAN OLEH

EN. MOHAMMAD AMIZI AYOB
PENYELIA

Tandatangan dan Cop

EN. ASSIS KAMU
PENYELIA BERSAMA

Tandatangan dan Cop

ASSIS KAMU

Lecture / Academic Advisor
School Of Sustainable Agriculture
Universiti Malaysia Sabah .

DR. ABDUL RAHIM BIN AWANG
PEMERIKSA

Tandatangan dan Cop

DR ABDUL RAMIM BIN AWANG
Pensyarah / Penasihat Akademik
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah

DR. JAMAL KASTARI
PEMERIKSA

J. Kastari
Tandatangan dan Cop
DR JAMAL @ ANUAR BIN KASTARI
PENSYARAH KANAN
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PROF. MADYA DR. MAHMUD HJ. SUDIN
DEKAN

M. Sudin
Tandatangan dan Cop
PROF. MADYA DR. MAHMUD SUDIN
DEKAN
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syukur yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t. atas kekuatan yang telah diberikan untuk menyiapkan Projek Tahun Akhir ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada kedua-dua ibubapa saya yang telah membantu dan mendoakan kejayaan saya dalam setiap perkara yang saya jalankan. Tidak dilupakan juga kepada pensyarah-pensyarah dan penyelia serta penyelia bersama, En. Amizi Ayob dan En. Assis Kamu atas semua bimbingan yang telah diberikan. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah dari Universiti Teknologi Mara Cawangan Sabah iaitu En. Sabki Hj. Suhaili atas kerjasama yang telah diberikan. Seterusnya kepada kawan-kawan yang telah banyak membantu dan memberi sokongan dalam menyiapkan projek ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih.

ABSTRAK

Kelapa sawit dan produknya merupakan penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan Malaysia iaitu berjumlah RM4.4 bilion atau 9.3% daripada jumlah keseluruhan eksport negara pada Februari 2010. Selanjutnya, Malaysia menyumbang 39% kepada pengeluaran hasil minyak sawit dunia. Oleh itu, industri yang semakin berkembang ini akan menyediakan banyak peluang pekerjaan terutamanya kepada mereka yang mempunyai latar belakang dalam bidang pertanian. Kajian yang telah dilakukan oleh Jabatan Pertanian kepada 26 ladang sawit di Malaysia menunjukkan bahawa terdapat 726 kekosongan jawatan eksekutif yang wujud sehingga November 2010. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji minat mahasiswa bidang pertanian di institut pengajian tinggi (IPT) terhadap peluang pekerjaan di ladang sawit. Sebuah kaedah tinjauan melalui borang kaji selidik telah digunakan untuk mengumpul data daripada 198 mahasiswa bidang pertanian dari Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah. Responden ini dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak. Keputusan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden lelaki dan sekitar 60% dari responden perempuan menyatakan bahawa mereka berminat untuk bekerja di sektor perladangan sawit. Faktor yang menarik minat mahasiswa adalah faktor gaji dan bonus tahunan yang tinggi serta kos sara hidup yang rendah. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan para responden kurang berminat untuk bekerja di ladang sawit disebabkan oleh suasana yang dikelilingi oleh pekerja asing, kurangnya kegiatan sosial dan jaminan keselamatan, serta mereka lebih berminat untuk bekerja sendiri.

A STUDY ON INTEREST OF AGRICULTURAL STUDENTS IN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS TOWARDS CAREER IN OIL PALM PLANTATION

ABSTRACT

Oil palm and palm oil product is the second largest Malaysian income contributor which is RM4.4 billion or 9.3% of the total national export for February 2010. Furthermore, Malaysia accounts 39% of world palm oil production. Next, the growing factor will create a large working vacancy especially for those who has agricultural background. A research had been done by Ministry of Agriculture to 26 oil palm plantations and the findings showed that there were 726 unfilled executive jobs available in Malaysia until November 2010 (Ministry of Agriculture, 2010). Hence, this study is done to evaluate the interest of agricultural students in higher education institutions towards career opportunities in oil palm plantation. A survey method through self-completion questionnaire was used to collect data from 200 agricultural students of Universiti Malaysia Sabah and of Universiti Teknologi MARA which were selected using random sampling method. The results show that most of the male respondents and about 60% of the female respondents responded that they are willing to pursue a career in oil palm plantation sector. The most attractive factor was the salary offered in oil palm plantations and followed by the high annual bonus and low living cost. The results also show that the unwillingness of the respondents to work in oil palm plantation was caused by the area of the oil palm plantation itself which is surrounded by foreign workers, lack of social activities, assurance of salvation, and prefer to work for themselves.

Keyword: *Career in oil palm plantation, interest of agricultural students, causal factors*

Responden dipilih secara rawak untuk menjawab borang kaji selidik yang diberikan. Hal ini diakui sendiri oleh Azizi *et al.* (2007) yang menyatakan bahawa persampelan rawak mudah ialah proses memilih mana-mana sampel secara individu dan langsung secara rawak. Kaedah ini sangat sesuai digunakan apabila populasi mempunyai sifat yang hampir seragam. Dalam kajian ini, sifat yang hampir seragam merujuk kepada mahasiswa yang mengikuti jurusan yang sama iaitu bidang pertanian, umur yang hampir sama serta lokasi pengajian iaitu di Sabah.

3.4 Prosedur Kajian

3.4.1 Tinjauan Lokasi Kajian

Semasa tinjauan lokasi dijalankan, bilangan mahasiswa, jurusan yang mereka ikuti atau nama program serta taburan responden turut dikenal pasti. Hal ini dijalankan bagi memastikan kesesuaian bilangan responden yang akan dipilih. Seterusnya, melalui jumlah responden yang sama daripada kedua-dua universiti iaitu UMS dan UiTM, ralat atau data yang berat sebelah dapat dilakukan.

3.4.2 Membangunkan Instrumen Kajian

Borang kaji selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Secara ringkasnya, borang kaji selidik ini akan dibahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A terdiri daripada pernyataan maklumat responden. Maklumat yang akan diperoleh dalam bahagian ini adalah latar belakang responden. Pada Bahagian B, pandangan responden mengenai pekerjaan di ladang kelapa sawit akan dikaji. Maklumat seperti faktor yang menarik minat responden untuk bekerja atau tidak bekerja akan dikenal pasti. Seterusnya maklumat mengenai tahap pendedahan bekerja di ladang kelapa sawit yang menjadi faktor kepada minat responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit akan dikenal pasti.

Semasa borang kaji selidik ini disediakan, beberapa kriteria yang disarankan oleh Sherif dan Sherif (1969) telah diambil kira dalam pembentukan item-item bagi soal selidik ini. Perkara-perkara yang dinyatakan ialah:

- i. item-item mestilah mempunyai hubungan dengan aspek yang hendak dikaji;
- ii. item-item mestilah jelas dan terang;
- iii. item-item hendaklah berkaitan dengan keperluan yang diterima dan ditolak; dan
- iv. item-item hendaklah berbentuk positif dan juga berbentuk negatif.

3.4.3 Menguji Instrumen Kajian (Kajian Rintis)

Sebelum borang tersebut diedarkan kepada responden, kajian rintis telah dilakukan. Melalui kajian rintis ini, borang kaji selidik diberikan kepada responden terpilih untuk menguji kesahan dalam instrumen borang kajian tersebut. Responden yang terpilih bagi kajian rintis ini ialah mahasiswa Sekolah Pertanian Lestari (SPL), Universiti Malaysia Sabah. Responden ini dipilih kerana mereka dapat memberikan maklumbalas dengan lebih cepat.

3.4.4 Modifikasi Instrumen Kajian

Melalui kajian rintis, sebarang kesalahan dalam instrumen kajian seperti kesalahan ejaan, tatabahasa atau susunan ayat akan diperbaiki. Selain itu, beberapa komen mengenai instrumen kajian juga telah dipertimbangkan. Perkara-perkara yang dipertimbangkan adalah kejelasan dan kesesuaian soalan.

3.4.5 Menjalankan Kajian Sebenar

Bagi membolehkan proses kajian dijalankan tanpa halangan, surat pemberitahuan dihantar kepada kedua-dua universiti iaitu UMS dan UiTM untuk mendapatkan kebenaran melakukan kajian dan memohon agar bantuan diberikan bagi memudahkan proses kajian dijalankan. Setelah selesai, borang kaji selidik diserahkan kepada responden untuk dilengkapkan.

3.4.6 Menganalisis Data

Perisian komputer *Statistical Package for Social Science* (SPSS) dan *Microsoft Excel* digunakan bagi menganalisi data yang telah dikumpul daripada borang kaji selidik yang

diedarkan. Dalam kajian ini, statistik deskriptif seperti frekuensi dan peratusan akan digunakan untuk menentukan faktor-faktor yang mendorong serta faktor-faktor yang tidak mendorong mahasiswa IPT untuk bekerja di sektor perladangan kelapa sawit. Akhir sekali, data yang telah dianalisis akan dibentangkan melalui graf, Jadual dan rajah.

BAB 4

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Segala keputusan yang diperoleh dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada data yang telah diperoleh daripada borang kaji selidik yang diedarkan kepada 198 orang penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang terdiri daripada mahasiswa daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Semua analisa dan pembentangan hasil kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kepada objektif yang telah ditetapkan. Bagi tujuan penganalisaan, perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* telah digunakan. Statistik deskriptif pula akan digunakan untuk menganalisis data yang telah diperoleh.

4.2 Analisis Deskriptif

Hasil kajian yang diperoleh dalam bahagian ini akan dibentangkan dalam bentuk jadual kekerapan. Maklumat peribadi dan pengalaman responden serta keluarga responden dalam bidang pertanian akan dianalisis. Seterusnya, faktor yang mendorong serta tidak mendorong responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit sebagai eksekutif akan turut dianalisis. Kaedah yang akan digunakan adalah kaedah analisis deskriptif.

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGAKUAN OLEH	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SIMBOL, UNIT DAN RINGKASAN	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kepentingan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	2
1.4 Skop Kajian	3
BAB 2 ULASAN KEPUSTAKAAN	
2.1 Persepsi Mahasiswa Terhadap Sektor Pertanian	4
2.2 Kelangsungan Generasi Muda dalam Sektor Pertanian di Malaysia	6
2.3 Faktor Penghalang Penerimaan Generasi Muda Terhadap Sistem Pertanian	11
2.4 Produktiviti Kelapa Sawit Pada Perspektif Malaysia	13
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Rekabentuk dan Kaedah Kajian	16
3.2 Lokasi Kajian	16
3.3 Kaedah Persampelan	16
3.4 Prosedur Kajian	17
3.4.1 Tinjauan Lokasi Kajian	17
3.4.2 Membangunkan Instrumen Kajian	17
3.4.3 Menguji Instrumen Kajian (Kajian Rintis)	18
3.4.4 Modifikasi Instrumen Kajian	18
3.4.5 Menjalankan Kajian Sebenar	18
3.4.6 Menganalisis Data	19
BAB 4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pengenalan	20
4.2 Analisis Deskriptif	20
4.2.1 Maklumat Demografi	21
4.2.2 Latar Belakang Berkaitan Pekerjaan di Sektor Perladangan Kelapa Sawit	22
4.2.3 Faktor Yang Mendorong Minat untuk Bekerja Disektor Perladangan Kelapa Sawit	24
4.2.4 Faktor Yang Menghalang Minat untuk Bekerja Disektor Perladangan Kelapa Sawit	27

4.2.5	Faktor Yang Mendorong Minat untuk Bekerja Disektor Perladangan Kelapa Sawit Berdasarkan Jantina	30
4.2.6	Faktor Yang Menghalang Minat untuk Bekerja Disektor Perladangan Kelapa Sawit Berdasarkan Jantina	36
4.2.7	Faktor Yang Mendorong Minat untuk Bekerja Disektor Perladangan Kelapa Sawit Berdasarkan Institut Pengajian Tinggi (IPT)	44
4.2.8	Faktor Yang Menghalang Minat untuk Bekerja Disektor Perladangan Kelapa Sawit Berdasarkan Institut Pengajian Tinggi (IPT)	49

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	56
5.2	Pengalaman dan Minat dalam Sektor Pekerjaan di Ladang Kelapa Sawit	56
5.3	Faktor Pendorong untuk Bekerja di Ladang Kelapa Sawit	57
5.4	Faktor Penghalang untuk Bekerja di Ladang Kelapa Sawit	57
5.5	Cadangan Bagi Meningkatkan Minat Responden Terhadap Pekerjaan Dibidang Kelapa Sawit	58
5.5.1	Mahasiswa IPT	58
5.5.1.1	Menghadiri kursus	58
5.5.1.2	Meningkatkan Ilmu Pengetahuan Dalam Bidang Kelapa Sawit	59
5.5.2	Keluarga dan Masyarakat	60
5.5.2.1	Berfikiran Terbuka	60
5.5.2.2	Media Massa	61
5.5.3	Pihak Kerajaan dan Agensi Lain	62
5.5.3.1	Menyediakan Kemudahan Latihan dan Bimbingan	62
5.5.3.2	Meningkatkan Lawatan ke Ladang Kelapa Sawit	62
5.6	Limitasi Kajian dan Saranan	63
5.6.1	Soalselidik	63
5.6.2	Kaedah Persampelan dan Bilangan Sampel	63
5.7	Kesimpulan	64
	LAMPIRAN	65
	RUJUKAN	68



SENARAI JADUAL

JADUAL	Muka Surat
2.1 Jumlah Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit	14
2.2 Penilaian Kualiti Buah Segar di Kilang Kelapa Sawit	15
4.1 Taburan kekerapan responden mengikut etnik	21
4.2 Taburan kekerapan responden mengikut agama	21
4.3 Taburan kekerapan responden mengikut jantina	22
4.4 Taburan kekerapan responden mengikut tempat asal	22
4.5 Taburan kekerapan responden mengikut status	22
4.6 Taburan kekerapan responden mengikut institut pengajian tinggi (IPT)	22
4.7 Faktor dalaman yang mendorong untuk bekerja di ladang kelapa sawit	25
4.8 Faktor masyarakat dan persekitaran yang mendorong untuk bekerja di ladang kelapa sawit	26
4.9 Faktor kemudahan di sektor perladangan kelapa sawit	27
4.10 Faktor dalaman yang menghalang responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit	28
4.11 Faktor masyarakat dan persekitaran yang menghalang responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit	29
4.12 Faktor kemudahan yang disediakan di ladang kelapa sawit	29
4.13 Faktor dalaman yang mendorong responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit berdasarkan jantina	32
4.14 Faktor persekitaran dan masyarakat yang mendorong responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit berdasarkan jantina	33
4.15 Faktor kemudahan yang disediakan di ladang kelapa sawit yang mendorong responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit berdasarkan jantina	35
4.16 Faktor dalaman yang menghalang responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit berdasarkan jantina	38
4.17 Faktor persekitaran dan masyarakat yang menghalang responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit berdasarkan jantina	41
4.18 Faktor kemudahan yang disediakan di ladang kelapa sawit yang menghalang responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit berdasarkan jantina	43
4.19 Faktor dalaman yang mendorong responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit berdasarkan Institut Pengajian Tinggi (IPT)	45
4.20 Faktor persekitaran dan masyarakat yang mendorong responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit berdasarkan Institut Pengajian Tinggi (IPT)	47
4.21 Faktor kemudahan yang disediakan di ladang kelapa sawit yang mendorong responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit berdasarkan Institut Pengajian Tinggi (IPT)	49
4.22 Faktor dalaman yang menghalang responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit berdasarkan Institut Pengajian Tinggi (IPT)	51
4.23 Faktor persekitaran dan masyarakat yang menghalang responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit berdasarkan Institut Pengajian Tinggi (IPT)	53
4.24 Faktor kemudahan yang disediakan di ladang kelapa sawit yang menghalang responden untuk bekerja di ladang kelapa sawit berdasarkan Institut Pengajian Tinggi (IPT)	55

SENARAI RAJAH

RAJAH

4.1 Pengalaman responden serta ahli keluarga terdekat 24

Muka Surat

x



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SIMBOL, UNIT DAN RINGKASAN

%	Peratus
ha	Hektar
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
LI	Latihan Industri
MPOB	Malaysian Palm Oil Board
OER	Jumlah perahan minyak
PORIM	Palm Oil Research Institute of Malaysia
PORLA	Palm Oil Registration and Licensing Authority
R&D	Penyelidikan dan Pembangunan
t	Tan
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UMS	Universiti Malaysia Sabah

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Industri sawit di Malaysia telah mencecah hampir satu setengah abad. Kelapa sawit diperkenalkan buat pertama kalinya di Malaysia atau Malaya pada ketika itu pada tahun 1870. Kini, industri ini telah menjadi industri yang bernilai berbilion ringgit. Produk sawit di Malaysia sangat berkualiti sehingga mampu diekspor ke lebih 140 buah negara yang menyumbang sebanyak 39% kepada pengeluaran minyak sawit dunia (MPOB, 2010). Selama lebih 28 tahun, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui gabungan bersama agensi sebelumnya iaitu *Palm Oil Research Institute of Malaysia* (PORIM) dan *Palm Oil Registration and Licensing Authority* (PORLA) telah mencapai banyak kejayaan dalam industri sawit.

Melalui kerjasama yang erat antara agensi dan para pengusaha sawit, penyelidikan dan pembangunan (R&D) MPOB telah berjaya meningkatkan hasil pengeluaran minyak sawit negara serta produknya. Oleh itu, minyak sawit dan produknya telah menyumbang sebanyak RM 4.4 bilion atau 9.3% daripada hasil export negara pada Februari 2010 (Kementerian Perangkaan Malaysia, 2010). Seterusnya, industri sawit menjadi penyumbang kedua terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu sebanyak 43.5% pada suku pertama tahun 2010. Angka ini meningkat sebanyak 6.8% jika dibandingkan dengan suku ke empat tahun 2009 (Kementerian Perangkaan Malaysia, 2010).

Peningkatan dalam industri ini mewujudkan banyak peluang pekerjaan terutamanya disektor perladangan sawit. Oleh itu, para pelajar institusi pengajian tinggi awam atau IPTA terutama sekali yang mengambil jurusan pertanian mempunyai peluang pekerjaan yang lebih cerah didalam industri sawit ini. Hal ini kerana ilmu yang mereka pelajari dapat dipraktikkan dan mereka lebih mahir dalam bidang ini jika dibandingkan dengan mahasiswa dari bidang yang lain.

1.2 Kepentingan Kajian

Pembukaan dan pembangunan ladang sawit terutama sekali di Sabah adalah sangat pesat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui data yang menunjukkan bahawa Sabah mempunyai kawasan yang terluas dalam penanaman sawit. Secara tidak langsung, keperluan tenaga kerja akan meningkat. Keperluan ini termasuklah pekerja profesional atau eksekutif dan pekerja tidak profesional atau pekerja am. Bagi kekosongan pekerja profesional, pelajar institut pengajian tinggi adalah yang paling sesuai bagi mengisi kekosongan ini khususnya kepada pelajar daripada bidang pertanian. Ini kerana adalah menjadi kerugian sekiranya ilmu yang mereka ada tidak digunakan sebaiknya.

Oleh itu, segala masalah yang boleh menyebabkan pelajar institut pengajian tinggi kurang berminat untuk bekerja dibidang perladangan harus dikenalpasti bagi memudahkan langkah-langkah seterusnya yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kajian ini telah mengkaji dan mengukur tahap minat pelajar institusi pengajian tinggi atau IPT bidang pertanian mengenai pekerjaan di ladang sawit. Para pelajar yang telah terlibat dalam kajian ini ialah para pelajar institut pengajian tinggi atau universiti di Sabah yang ada menawarkan bidang pengajian pertanian.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong minat pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) untuk bekerja dalam sektor perladangan sawit; dan
- ii. Mengenalpasti masalah-masalah atau halangan-halangan yang boleh mempengaruhi mahasiswa IPTA untuk tidak berminat bekerja disektor perladangan sawit.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini memberi fokus terhadap faktor-faktor yang mendorong dan menghalang minat mahasiswa institusi pengajian tinggi awam untuk bekerja di ladang sawit. Para responden yang terpilih dalam kajian ini ialah mahasiswa jurusan pertanian yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) di Sabah. IPT ini merupakan IPT yang menawarkan kursus dalam bidang pertanian iaitu Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kota Kinabalu.

BAB 2

ULASAN KEPUSTAKAAN

2.1 Persepsi Mahasiswa Terhadap Sektor Pertanian

Penduduk dunia pada hari ini kurang berfikiran terbuka mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan industri pertanian. Kini, ramai yang telah mengetahui akan kepentingan bidang pertanian serta memahami keperluannya terhadap masyarakat dan negara (Frick *et al.*, 1995). Menurut Fishbein dan Ajzen (1975), pengalaman pelajar serta ibu bapa mereka sendiri, pemerhatian, pengetahuan dan nilai-nilai tentang pertanian mempengaruhi sikap mereka tentang pertanian.

Hal ini secara langsung akan mempengaruhi persepsi mereka. May (1969) membuat kesimpulan bahawa persepsi manusia bergantung kepada pengalaman masa lalu dan pengetahuan mereka. Oleh itu, jika seseorang memiliki pengetahuan dan pengalaman yang terbatas mengenai sesuatu perkara, maka individu tersebut tidak dapat mendefinisikannya dengan baik.

Kajian Washington dan Rodney (1984) menyatakan bahawa ibu bapa cenderung untuk menghalang anak mereka daripada bekerja dibidang pertanian. Selain itu, mereka menyimpulkan bahawa terdapat kekurangan maklumat atau pendedahan mengenai bidang pertanian diperingkat sekolah menengah. Dalam kajian deskriptif yang lain, Leatherberry dan Wellman (1988) melaporkan bahawa pelajar kulit hitam mengetahui serba sedikit mengenai kemahiran dalam bidang pertanian secara menyeluruh.

Seterusnya, kurangnya pengetahuan dan pengalaman masyarakat di Malaysia dijadikan alasan untuk tidak terlibat dalam sektor perladangan sawit. Sikap pemuda

berkulit hitam patut dijadikan contoh oleh rakyat Malaysia. Menurut Case (1994), kekurangan pengetahuan pemuda berkulit hitam mengenai bidang pertanian dan alam sekitar menjadi pendorong kepada mereka untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh dalam bidang ini.

Beberapa kajian yang dijalankan oleh Case (1993), Coulter (1985) serta Mallory dan Sommer (1986) telah mendapati bahawa kurangnya pendedahan terhadap bidang pertanian serta terdapat pandangan serong masyarakat umum terhadap pekerja dibidang pertanian. Antara pendapat serong ini adalah pertanian merupakan bukan sesuatu pekerjaan yang memberikan pendapatan yang baik serta bidang ini merupakan sesuatu pekerjaan yang membosankan.

Horn dan Vining (1986) mendapati bahawa kurang daripada 30% daripada sampel bagi pelajar di Kansas, terutamanya yang berketurunan Eropah dapat memberikan jawapan yang betul bagi soalan yang berasaskan pertanian. Hal ini sangat mengejutkan kerana Kansas merupakan salah satu daripada pengeluaran hasil pertanian yang terbesar bagi Amerika Syarikat. Perkara ini menunjukkan bahawa walaupun sesuatu kawasan atau negara telah maju atau berjaya dalam sesuatu bidang, perkara ini tidak akan dapat diwarisi oleh generasi muda tanpa usaha yang sewajarnya.

Pengetahuan pelajar sekolah menengah dan persepsi mereka mengenai bidang pertanian boleh terjejas disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor tersebut termasuklah media, keluarga, penglibatan dalam kelab pertanian dan lain-lain. Menurut Whitaker dan Dyer (2000), wartawan telah dilatih tentang cara-cara penulisan yang baik tetapi kurang memahami pengaruh mereka dalam hubungan diantara pengeluar bidang pertanian dan pengguna.

Lichter *et al.* (1991) menyatakan bahawa lebih daripada dua per tiga wartawan yang menganggotai kumpulan aktivis liberal merupakan wartawan yang dapat menyampaikan maklumat yang boleh dipercayai atau sahih dalam bidang pertanian berbanding daripada wartawan lain yang mentafsir berdasarkan pemahaman mereka. Kumpulan aktivis liberal juga boleh membuat perbezaan antara pemahaman awam dan maklumat yang boleh dipercayai. Jika ibu bapa pelajar telah dipengaruhi oleh laporan yang tidak boleh dipercayai daripada pihak media, maka mereka tidak dapat

menggalakkan anak mereka untuk mengikuti kursus pertanian di peringkat sekolah menengah atau meneruskan pengajian di bidang pertanian di institusi pengajian tinggi.

2.2 Kelangsungan Generasi Muda dalam Sektor Pertanian di Malaysia

Melalui kesedaran bahawa semakin ramai petani dalam komuniti pertanian yang semakin tua, tekanan telah diberikan kepada generasi muda untuk meneruskan kelangsungan di dalam bidang pertanian. Perkara ini sangat penting untuk menambah dan meningkatkan lagi penyertaan generasi muda terutamanya siswazah atau pelajar dalam bidang pertanian. Kajian yang dilakukan oleh Hassan dan Azril (2009) serta Ezhar et al. (2007) membuktikan bahawa majoriti usia petani di Malaysia adalah petani yang berumur melebihi 46 tahun.

Selain itu, Norsida (2007) menyatakan bahawa sebahagian besar petani yang telah dikenalpasti dalam kajiannya adalah warga petani yang berumur 55 tahun ke atas. Seterusnya, kurang daripada 26% daripada petani tersebut merupakan petani yang berusia di antara 15 dan 40 tahun. Oleh itu, tindakan harus diambil untuk meningkatkan minat generasi muda terhadap sektor pertanian. Selain itu, bidang pertanian boleh dijadikan mangkin bagi mengatasi masalah pengangguran.

Menurut Man (2007), pemuda di Malaysia mempunyai tanggapan negatif terhadap bidang pertanian. Mereka menganggap pertanian sebagai industri yang memenatkan dan kurang membawa hasil. Namun, menurut kajian yang lebih lanjut yang dijalankan oleh Man (2008), beliau mencatatkan bahawa walaupun generasi muda di Malaysia mempunyai tanggapan negatif terhadap bidang pertanian, mereka masih mempercayai bahawa pertanian adalah industri yang menguntungkan jika disertakan dengan usaha yang bersungguh-sungguh dan usaha yang berterusan. Trend dan cara baru dalam menjalankan pertanian sangat diperlukan untuk menarik minat generasi muda serta dapat meningkatkan penyertaan mereka dalam sektor pertanian.

Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa terdapat banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan penerimaan generasi muda terhadap bidang pertanian. Sikap adalah salah satu daripada faktor yang telah dikenalpasti. Biasanya sikap positif akan mendorong kepada penerimaan yang lebih baik dan sikap negatif akan mendorong

kepada penerimaan negatif. Hal ini turut dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Gidarakou (1999) dalam pertanian kontrak. Beliau menyimpulkan bahawa majoriti generasi muda memiliki sikap negatif dan perkara ini menyebabkan mereka sukar untuk menerima bidang pertanian.

Kajian lain yang dijalankan oleh Kumar (2007) telah menentang terhadap apa yang telah disimpulkan oleh Gidarakou (1999). Beliau menyatakan bahawa penekanan terhadap pertanian kontrak perlu dijalankan kepada generasi muda untuk meningkatkan penerimaan mereka. Kesimpulan bagi penelitian ini adalah kita tidak hanya perlu mengubah pemikiran generasi muda mengenai bidang pertanian. Malah kita perlu memperkasakan usaha dalam menarik minat mereka untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Kajian seterusnya yang dilakukan oleh Kumar (2007) menyokong kajian yang dilakukan oleh Mann dan Kogl (2003). Mereka menyimpulkan bahawa keuntungan yang lebih besar yang diperolehi melalui pertanian kontrak akan menjadi pendorong bagi mewujudkan sikap positif masyarakat terhadap pertanian kontrak. Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa keuntungan merupakan salah satu daya penarik utama kepada golongan muda atau mahasiswa untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian. Oleh itu, pendedahan awal kepada mahasiswa mengenai pendapatan dan kelebihan bekerja di sektor pertanian dapat menjadi titik tolak yang penting bagi penerimaan bidang pertanian dikalangan generasi muda.

Sebuah kajian yang dijalankan oleh Shaban *et al.* (2006) menekankan bahawa penerimaan sesuatu ilmu ditentukan oleh pengetahuan yang berkaitan dengan bidang berkenaan. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat akan menolak bidang pertanian kerana pengetahuan mereka mengenai sistem ini sangat sedikit. Sekali lagi perkara ini membuktikan pengetahuan menjadi faktor yang penting dalam penerimaan masyarakat dalam bidang pertanian.

Seterusnya, mahasiswa dalam bidang pertanian merupakan subjek terbaik untuk mewarisi pekerjaan dibidang pertanian. Hal ini kerana mereka telah mempunyai pengetahuan yang baik dalam bidang ini. Perkara ini turut disokong oleh Frick *et al.* (1995) yang menyatakan bahawa penerimaan terhadap bidang pertanian dapat

ditingkatkan jika tahap pengetahuan masyarakat umum mengenai bidang pertanian dapat dipertingkatkan.

Tanpa keraguan lagi, pengetahuan merupakan kunci utama yang mempengaruhi persepsi dan kecenderungan masyarakat tentang sesuatu perkara. Pada abad ke-21, akumulasi pengetahuan dan aplikasi segala ilmu yang ada akan mendorong kepada perubahan persepsi masyarakat. Pengetahuan, yang boleh ditakrifkan sebagai maklumat yang terancang, diproses atau sesuatu data, adalah asas dalam meningkatkan pemahaman seseorang terhadap sesuatu perkara.

Unsur yang paling penting dan perlu dilakukan untuk meningkatkan industri ini adalah dengan mempraktikkan segala ilmu yang. Seterusnya, segala ilmu tersebut perlu dikongsikan dan disampaikan kepada mereka yang tidak mengetahui perkara tersebut. Sekiranya perkara ini berjaya dilakukan, persepsi yang lebih baik mengenai bidang pertanian dapat diwujudkan. Selain itu, kemajuan teknologi pertanian akan dapat diperoleh melalui pengaplikasian segala ilmu yang berkaitan. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan bilangan masyarakat yang memiliki persepsi positif terhadap bidang pertanian.

Osborne dan Dyer (2000) mempunyai pandangan bahawa pemikiran positif akan menghasilkan sikap yang positif terhadap pertanian dan akan mendorong generasi muda untuk menerima bidang pertanian. Responden yang memiliki pemikiran positif terhadap bidang pertanian akan dapat menerima bidang pertanian dengan lebih baik. Pada kebiasaannya, sikap yang positif terhadap sesuatu perkara akan mendorong masyarakat untuk menerima idea-idea baru.

Hubungan yang signifikan juga berlaku diantara keyakinan dan penerimaan seseorang terhadap bidang pertanian. Berdasarkan keputusan yang diperolehi, telah disimpulkan bahawa generasi muda yang mempunyai keyakinan positif terhadap bidang pertanian dapat mencapai tahap yang lebih baik dalam penerimaannya terhadap bidang pertanian. Duncan et al. (2004) menyatakan bahawa keyakinan dapat memainkan peranan penting dalam mempermudah penerimaan dan pengetahuan generasi muda mengenai bidang pertanian. Semakin tinggi keyakinan generasi muda terhadap bidang pertanian dapat menghasilkan keuntungan, semakin tinggi tahap penerimaan mereka terhadap bidang pertanian.

RUJUKAN

- Adrian, A.M., S.H. Norwood dan P.L. Mask. 2005. Producer's Perception and Attitudes Towards Precision Agriculture Technologies. *J. Computer Technology Agriculture* **48**: 256-271.
- Asenso-Okyere, K., Davis, K. dan Areo, D. 2008. Advancing Agriculture in Developing Countries Through Knowledge and Innovation, *Synopsis of an International Conference*. Paper prepared for International Food Policy Research Institute.
- Bahaman A.S., Hayrol, A.M.S, Md. Salleh, H, Musa A.H, dan Narimah I. 2009. ICT Contribution in Increasing Agro-based Entrepreneurs Productivity in Malaysia, *Journal of Agriculture Extension and Social Science* **5(1)**: 26-32.
- Bahaman, A.S., Md. Salleh, H., Musa, A.H., Narimah, I., Hayrol, A.M.S. dan Afzariza, D. 2008. "Sumbangan ICT Terhadap Produktiviti Usahawan Asas Tani", *Paper presented at IPSAS Seminar*, Universiti Putra Malaysia on 30 October 2008.
- Begum, I. A. 2005. Vertically Integrated Contract and Independent Poultry Farming Systems in Bangladesh: A Profitability Analysis. *J. Livestock Resource Rural Developement*.
- Case, D. 1993. *The USDA/1890 Land Grant University Summer Internship Program: A Case Study of Lincoln University Participants*. Unpublished doctoral dissertation, University of Missouri-Columbia, Columbi, MO.
- Coulter, K. 1985. The Agricultural Image. *The NACTA Journal* **29**: 3.
- Duncan, D.W., T.W. Broyles dan V. Tech. 2004. An Evaluation of Student Knowledge and Perception Towards Agriculture Before and After Attending a Governors' School for Agriculture. *J. Southern Agriculture Education Resource* **54**: 280-292.
- Ezhar, T., M.S. Rahim, M. Zainal Abidin, H. Mohamed Rezal dan Y. Zamre. 2007. Micro Agro-based Entrepreneurs Readiness in Facing Agriculture Challenges. *IPSAS Monograph Series Bil. 1/2007*, University Putra Malaysia Publisher, Serdang, Malaysia.
- Fishbein, M. dan Ajzen, I. 1975. Beliefs, Attitudes, Intentions and Behaviours. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Frick, M., Birkenholz, R., Gardner, H. dan Machtnes, K. 1995. Rural and Urban Inner-city High School Student Knowledge and Perception of Agriculture. *The Journal of Agricultural Education* **36**: 4.
- Gidarakou, I. 1999. Young Women's Attitude Towards Agriculture and Women New Roles in the Greek Countryside: A first Approach. *J. Rural Study* **15**: 147-158.
- Guo, H., R.W. Jolly dan J. Zhu. 2005. Contract Farming in China: Supply Chain or Ball Chain? Proceedings of The Minnesota International Economic Development Conference, Apr. 29-30, University of Minessota, Minessota.
- Guo, H., Jolly, Robert, W., dan Jianhua, Z. 2007. Contract Farming in China: Perspectives of Farm Households and Agribusiness Firms.
- Hayrol, A.M.S., Md. Salleh, H. dan Inon, B. 2009. "Tingkatkan Penggunaan Media Massa (Television, Radio dan Surat Kabar) DiKalangan Pengusaha Pertanian Malaysia", *Jurnal Ilmiah Ilmu Komunikasi: Communique* **1**: 28-38.
- Horn, J. dan Vining, B. 1986. An assessment of students' knowledge of agriculture. Center of Extended Services and Studies, Kansas State University, Manhattan, KS.
- Hyttia, N. dan J. Kola. 2006. Finnish Citizen's Attitude Towards Multifunctional Agriculture. *J. International Food Agribusiness Management Review* **9**: 1-22.

- Hassan, M.S., dan M.S.H. Azril. 2009. Internet Usage Among Agro-based Entrepreneurs: Can it Affect Productivity. *J. Agriculture Extension Social Science* **5**: 61-66.
- Jabatan Pertanian Malaysia. 2010. Kelapa Sawit. *Kekosongan Jawatan Disektor Perladangan Kelapa Sawit*. Malaysia.
- Jalani, B.S., Yusof Basiran, Ariffin Daus, Chan, K.W. dan N. Rajanaidu. 2002. Prospects of Elevating National Oil Palm Productivity: A Malaysian Perspective. *Oil Palm Industry Economic Journal* **2**: 1-9.
- James, J.S. 2004. Consumer Knowledge and Acceptance of Agricultural Biotechnology vary. *J. California Agriculture* **58**: 99-105.
- K. Kaliyaperumal. 2004. Guideline for Conducting a Knowledge, Attitude and Practice (KAP) Study. *I.E.C. Expert, Diabetic Retinopathy Project* **14(1)**: 7-9.
- Kumar, P. 2007. "Resources Provision, Productivity and Contract Farming: A Case Study of Punjab", *Paper Presented at ICAR-NCAP and USAID*, New Delhi India. May 5-6, 2007.
- Leatherberry, E. dan Wellman, E. 1988. Black High School Students' Images of Forestry As a Profession. *Journal of Negro Education* **57**: 1-10.
- Lichter, S. R., Lichter, L. S., dan Rothman, S. 1991. *Watching America*. New York: Prentice Hall Press.
- Mallory, M. dan Sommer, R. 1986. Students Images of Agriculture: Survey Highlights and Recommendations. *Journal of the American Association of Teachers in Education* **27**: 4.
- Man, N. 2007. The Agricultural Community. 50 Years of Malaysian Agriculture. Malaysian Agriculture: Transformational Issues, Challenges and Direction. UPM, Serdang, Selangor, Malaysia.
- Man, N. 2008. Persepsi Terhadap Pertanian dikalangan Belia Tani dan Keperluan pendidikan pertanian. *J. Pembangunan Belia Malaysia* **1**: 99-114.
- Mann, S. dan Kogl, H. 2003. "On the Acceptance of Animal Production in Rural Communities". *Journal of Land Use Policy* **20**: 243-252.
- May, R. 1969. *Love and will*. New York: Norton.
- McLarty, R. 2005. "Entrepreneurship Among Graduates: Towards a Measure Response". *Journal of Management Development* **3**: 223-238.
- Md. Salleh, H., Hayrol, A.M.S., Bahaman, A.S., Musa A.H. dan Narimah I. 2009. "Internet Usage and Its Contribution Towards Agri-Based Productivity in Peninsular Malaysia". *Journal Ilmu-ilmu Sosial* **10**: 1-9.
- MPOB. (2001). *Oil Palm Statistics*. 21st edition. MPOB, Bangi, **21**: 131.
- Nor Aini, I. 2003. "Daya Saing Usahawan Wanita Melayu Menghadapi Cabaran Globalisasi", *Paper presented at The National Conference on Environmental Development Challenges at Universiti Kebangsaan Malaysia Bangsi, Selangor, Malaysia on 12-13 September 2003*.
- Norsida, M. 2007. "The Agricultural Community", 50 Years of Malaysia Agriculture: Transformational Issues, Challenges and Direction. Serdang, Selangor: UPM Publisher.
- Osborne, E.W. and J.E. Dyer, 2000. Attitudes of Illinois Agriscience Students and Their Parents Towards Agriculture and Agricultural Education Program. *J. Agriculture Education* **41**: 50-59.
- Stobbelaar, D.J., G. Casimir, J. Borghuis, I. Marks dan L. Meijer. 2007. Adolescents Attitudes Towards Organic Food: A Survey of 15 to 16 Years Old School Children Interest. *J. Consumers Study* **31**: 349-356.

- Shaban, A.A., W. Doppler and H.P. Wolff. 2006. Determinants of farmers acceptance of treated wastewater in irrigated agriculture in the Northern Gaza Strip. *Proceeding of the Conference on International Agriculture Research for Development*. Oct. 11-13, Tropentag, Germany.
- Sherif, M. & Sherif, C. W. 1969. *Social Psychology*. New York : Harper & Row.
- Washington, W. J. dan Rodney, E. 1984. Careers in Natural Resources for Urban Minorities (Grant #23-617). Washington, DC: United States Department of Agriculture, Forest Service.
- Wheeler, S.A. 2008. The Barriers to Further Adoption of Organic Farming and Genetic Engineering in Australia: Views of Agricultural Professionals and Their Information Sources. *J. Renew Agriculture Food System* **23**: 161-170.
- Whitaker, B. dan Dyer, J. 2000. Identifying Sources of Bias in Agricultural News Reporting. *The Journal Agricultural Education* **41**: 4.
- Yusuf Basiran., 2002. Prospects of Elevating National Oil Palm Productivity: a Malaysian Perspective. *Oil Palm Industry Economic Journal* **1**: 1-9.
- Zaleha Mohd Noor., 2007. Labour in Agriculture. In Fatimah Arshad *et al.* (Eds.). *50 Years of Malaysian Agriculture: Transformational Issues, Challenges and Direction*. Serdang, Selangor: UPM Publisher.
- Zulkifli, A. R., 1995. Report on case study of oil extraction ratios in palm oil mills. *PORIM Report: PO*, **264(95)**: 16.